



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROJEK RINTIS WAKTU BEKERJA BERLAINAN DIBATALKAN, DIBAWA KE KAJIAN LEBIH MENYELURUH

Isu berkenaan Waktu Waktu Bekerja Berlainan (WBB) telah dirujuk kepada Jemaah Menteri hari ini. Setelah mengambil kira segala pertimbangan, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk membatalkan projek rintis WBB untuk memberi laluan kepada sebuah kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Sehubungan itu, KKM menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang akan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Bakar Suleiman. Terma-terma rujukan jawatankuasa ini terkait pemeraksanaan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan penjadualan waktu kerja.

KKM akan meneruskan usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan adil untuk semua, terutamanya petugas kesihatan.

DR. DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN
24 JANUARI 2025